




Fakulti Sains Dan Matematik

Rujukan Tuan/*Your Ref.*:

Rujukan Kami/*Our Ref.*:

Tarikh/*Date* : UPSI/FSM/TDPI/PEYS
8 Oktober 2014
13 Zulhijjah 1435H

Profesor Madya Dr. Suriani binti Abu Bakar
Ketua Jabatan Fizik
Fakulti Sains dan Matematik
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900, Tanjong Malim
Perak



Y. Bhg. Prof Madya,

PELANTIKAN SEBAGAI JURI PERTANDINGAN BAGI PROGRAM “PERAK EXPO FOR YOUNG SCIENTISTS 2014” (PEYS 2014)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan menganjurkan “*Perak Expo For Young Scientists 2014*” yang akan diadakan pada 10 – 12 Oktober 2014 di Dewan Konvensyen, Aras 5, Bangunan E-Learning, UPSI.
3. Tujuan ekspso ini adalah untuk memberi peluang penyertaan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah seluruh Negeri Perak untuk mempamerkan hasil penyelidikan mereka berkonsepkan penyelidikan sains, aplikasi konsep-konsep matematik dan teknologi yang berteraskan kreativiti dan inovasi. Pihak Fakulti Sains Dan Matematik berharap program ini akan menjadi satu platform untuk melonjakkan pembudayaan sains dalam kalangan masyarakat khususnya para pelajar.
4. Sehubungan itu, pihak Fakulti Sains Dan Matematik dengan takzimnya ingin menjemput dan melantik Y. Bhg. Prof Madya sebagai juri bagi mengadakan hasil penyelidikan yang dipertandingkan dalam Program PEYS 2014 ini. Pihak Fakulti Sains Dan Matematik percaya pengalaman dan ilmu akademik yang tinggi yang dimiliki oleh Y. Bhg. Prof Madya akan dapat membantu para penyelidik muda yang hadir dan seterusnya memberi motivasi kepada mereka untuk terus maju ke hadapan dalam bidang sains dan teknologi.

5. Butiran lanjut berkenaan perkara ini adalah seperti berikut:

Tarikh : 11 Oktober 2014 (Sabtu)

Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang

Tempat : Ruang Legar Dewan Konvensyen, Aras 5, Bangunan E-Learning, UPSI

Kategori : Sekolah Rendah (Teknologi / Rekacipta)

6. Sekiranya pihak Y. Bhg. Prof Madya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, bolehlah menghubungi Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan & Pemilihan Peserta, Prof. Madya Dr. Hasimah Alimon di talian 015-4811 7203 / 013-430 8607 atau alamat e-mail: hasimah@fsmt.upsi.edu.my. Bersama ini disertakan juga tentatif ekspo untuk makluman Y. Bhg. Prof Madya.

Kesudian pihak Y. Bhg. Prof Madya memenuhi jemputan dan menerima pelantikan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”
“MEMUPUK MINDA KREATIF”**

Saya yang menurut perintah,



(PROFESOR MADYA DR. ZULKIFLEY BIN MOHAMED)

Pengerusi II

“Perak Expo For Young Scientists” Peringkat Negeri Perak 2014

s.k.

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) FSM

Fail